

13 MAY 2002

Ting-Pertandingan/I

TIADA PERTANDINGAN DALAM SEMUA JAWATAN MCA HINGGA 2005

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Jawatankuasa pemandu pemilihan MCA hari ini memutuskan untuk membatalkan semua pertandingan jawatan parti itu selaras dengan persetujuan Jawatankuasa Pusat (CC) mengenai pelan damai MCA, yang mahu mengekalkan status quo semua penyandang peringkat bahagian ke atas hingga 2005.

Setiausaha agung parti yang juga pengerusi jawatankuasa pemandu pertandingan Datuk Seri Dr Ting Chew Peh berkata langkah itu selaras dengan keputusan CC bulan lepas atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pelan itu yang diusahakan oleh Dr Mahathir bertujuan menamatkan pergolakan kepimpinan MCA antara presiden Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek, selama 14 bulan.

Dengan keputusan hari ini, jawatankuasa pemandu itu menolak semua pencalonan yang dikemukakan untuk jawatan peringkat bahagian yang akan diadakan pada Sabtu ini.

Ting berkata keputusan untuk mengisytiharkan pencalonan yang dikemukakan oleh anggota parti untuk jawatan peringkat bahagian sebagai batal dan tidak sah ekoran agenda pelan damai.

"Keputusan itu adalah selaras dengan langkah CC untuk mengekalkan status quo pada semua peringkat dalam parti serta satu barisan pemimpin mengekalkan kedudukan mereka sehingga 2005," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa pemandu MCA di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Pada hujung minggu, MCA menerima penamaan untuk jawatan peringkat bahagian dan daripada 166 bahagian parti itu, terdapat penamaan untuk jawatan pengerusi di 42 bahagian.

"Semua penamaan yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan oleh CC tidak akan dilayani, penyandang masih mengekalkan jawatan masing-masing, katanya.

Dengan keputusan hari ini, pemilihan bahagian parti itu yang akan diadakan esok dan Rabu dibatalkan secara automatik, katanya.

"Semua bahagian mempunyai senarai status quo masing-masing, jadi mereka mesti mematuhi," katanya.

Ting berkata walaupun peraturan itu tidak termaktub dalam perlembagaan parti, "setiap keadaan luar biasa memerlukan penyelesaian luar biasa untuk kepentingan terbaik parti."

Sebelum penamaan peringkat bahagian, pemimpin parti telah memberitahu bakal calon supaya tidak bertanding tetapi mereka mahukan jawatankuasa pemandu memutuskan status penamaan mereka dan inilah yang telah diputuskan.

"Mereka (di semua peringkat) boleh meneruskan mesyuarat tahunan masing-masing, kecuali pemilihan... ia (peraturan) meliputi semua peringkat, bahagian, negeri dan kebangsaan," katanya.

Ting berkata lima bahagian juga telah diberi tempoh seminggu mulai hari ini untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengisi beberapa jawatan yang kosong.

Bahagian terbabit ialah Pokok Sena (kekosongan jawatan pusat dan wanita), Rasah (pemuda), Gombak (wanita), Sungai Petani (wanita) dan Bukit Mertajam (pusat, pemuda dan wanita).

"Jika mereka tidak berjaya menyelesaikannya, CC akan mengisytiharkan jawatan itu tidak diisi dan mengambilalih fungsi jawatan itu," katanya.

-- BERNAMA

SR MAM LAT